

UPACARA ADAT KEMATIAN *MAGPATURUN ROH ARWAH MA BAHAGI PITU'* TINJAUAN AWAL TERHADAP ELEMEN TEATERIKAL TEATER

Nur Basiah binti Ismail
Sharifuddin Zainal
Sim Chee Cheang

ABSTRAK

Amalan persembahan upacara adat kematian ini dipersembahkan mengikut kepercayaan oleh pengamal budaya masyarakat masing-masing mengikut kepercayaan, agama, adat dan fungsi. Upacara adat tersebut terhadap sesebuah masyarakat termasuklah bagi masyarakat etnik Bajau Semporna, kaya dengan amalan upacara adat yang diamalkan daripada warisan nenek moyang merupakan salah satu amalan upacara adat yang masih diamalkan dalam masyarakat ini adalah Upacara Adat Kematian *Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu'*. Amalan persembahan upacara adat ini mempunyai keunikan tersendiri, selain daripada mempunyai identiti persembahan ritual seperti kenduri *Ma Bahagi Pitu'*, *Magpaturun roh* arwah, upacara adat ini juga dilihat mempunyai elemen teaterikal ritual yang bersesuaian dengan pemahaman teater tradisional dalam masyarakat kita. Artikel ini bertujuan meneliti elemen-elemen teaterikal yang terdapat dalam salah satu upacara adat kematian dalam etnik Bajau Semporna tersebut.

Kata kunci: Upacara adat kematian, *magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu'*, Bajau, elemen teaterikal.

ABSTRACT

Each practice of death ritual is performed according to the beliefs of the respective cultural practitioners of society according to religious customs. The customary ceremonies of a society like those of the Bajau Semporna ethnic community is rich in ceremonial rituals passed down from ancestors since the customs were first observed. One of the practices of Bajau ethnic custom still practiced in this society is the Traditional Death Ceremony called the Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu'. The ritualistic practices of this ritual have its own uniqueness; apart from having ritualistic identities such as the Ma Bahagi Pitu' feast, commanding the Spirit of the Spirit, this ceremony has theatrical elements of ritual that corresponds to our understanding of traditional theater in our society. This paper aims to examine the theatrical elements contained in this traditional ritual of death amongst the Bajau in Semporna.

Keywords: *Traditional ceremonies, death rituals, feast of the spirit of the dead, the Bajau, theaterical elements.*

PENGENALAN

Hidup dan mati adalah dua perkara yang bertentangan dan tidak boleh berlaku secara serentak dalam sesuatu masa. Petanda kehidupan ditunjukkan menerusi pergerakan. Tanda utama kematian pula adalah terhentinya pergerakan tubuh manusia. Kematian adalah sesuatu yang tidak dapat dielakkan dan dianggap sebagai penghubung kepada kehidupan, iaitu alam kematian. Setiap makhluk yang hidup di muka bumi ini pasti menemui kematian.

Kematian berlaku tanpa mengenal sama ada seseorang itu kanak-kanak, orang dewasa, tua, sihat ataupun sesiapa jua. Menurut Lathief Rousydyi (1987: 52), kematian adalah sesuatu yang pasti terjadi dan akan dialami oleh setiap yang bernyawa. Hal ini selaras dengan Surah al-Baqarah ayat 180 yang bermaksud:

“Kamu diwajibkan, apabila seseorang dari kamu hampir mati, jika dia ada meninggalkan harta, (hendaklah ia) membuat wasiat untuk ibu bapa dan kaum kerabat dengan cara yang baik (menurut peraturan agama), sebagai suatu kewajipan atas orang-orang yang bertakwa.”

Secara umumnya, kematian melambangkan kesedihan kerana melibatkan perpisahan antara jenazah dengan keluarganya (secara fizikal dan kekal). Artikel ini menyingkap adat kematian dalam kalangan etnik Bajau di Semporna. Secara simbolik, amalan upacara adat dan ritual yang dilaksanakan dalam adat kematian etnik Bajau dipercayai merupakan jambatan perjalanan roh si mati ke alam lain. Hal demikian kerana upacara kematian menagih kepatuhan yang banyak terhadap adat dan tradisi serta pelbagai pantang larang yang bertunjangkan sistem kepercayaan dan nilai yang didukung oleh masyarakat tersebut. Oleh itu, setiap jenazah hendaklah diurus dengan penuh tertib dan hormat mengikut hukum Islam dan adat yang diwarisi daripada nenek moyang.

Etnik Bajau

Etnik Bajau salah satu kaum majoriti yang terbesar di Sabah (Yap Beng Liang, 1993). Mereka terdiri daripada dua kelompok, iaitu masyarakat Bajau yang tinggal di kawasan pantai barat yang dikenal pasti menetap di daerah Kota Belud, Tuaran dan bergiat aktif dalam aktiviti pertanian, manakala masyarakat Bajau yang tinggal di kawasan pesisiran pantai timur Sabah yang

menetap di kawasan daerah Semporna, Kunak, Lahad Datu bergiat aktif dalam aktiviti perikanan, iaitu menjadi nelayan sebagai punca pendapatan seharian. Masyarakat Bajau di daerah Semporna mempunyai pelbagai adat dan ritual dalam kehidupan. Hal ini disebabkan komuniti ini merupakan salah satu masyarakat yang akrab dengan alam semula jadi. Hal ini menyebabkan mereka mempercayai tentang kewujudan alam ghaib yang banyak mempengaruhi kehidupan seharian mereka. Mereka mempercayai bahawa terdapat roh nenek moyang yang mempunyai kelebihan ataupun kuasa yang diwarisi daripada kuasa unsur alam seperti matahari, laut, daratan dan sebagainya. Perkara ini menyebabkan setiap upacara adat tradisi yang diamalkan harus dilaksanakan dengan sempurna untuk mendapatkan kesejahteraan hidup. Salah satu pengaruh kearifan tempatan masyarakat ini seterusnya membentuk identiti yang tersendiri melalui upacara adat yang perlu dilaksanakan dengan sempurna mengikut amalan adat adalah upacara adat kematian.

Setiap makhluk yang hidup pasti akan melalui kematian. Demikian kesediaan etnik Bajau ini menanti kematian. Mengikut adat tradisi dan budaya Bajau, mayat lebih dimuliakan berbanding jasad manusia yang masih hidup di dunia. Bagi masyarakat ini, penghormatan mereka menggabungkan dua unsur, iaitu pengaruh Islam dari Nusantara yang membawa ajaran agama Islam serta memberi kesan terhadap masyarakat Bajau dan upacara adat tradisi yang diwarisi daripada warisan pengamal budaya nenek moyang dengan penuh hormat dan tertib. Penggabungan ini menjadi kewajipan kepada mereka. Mengabaikannya adalah satu kesilapan dan pastinya menimbulkan kecelakaan yang dikenali sebagai “tulah”¹ dalam kehidupan serta menerima tohmahan negatif dari penduduk kampung.

Adat dan tradisi mungkin sukar untuk dibezakan. Namun, ia sentiasa dikaitkan dengan anutan ataupun kepercayaan yang diakui boleh mendatangkan kemudaratan kepada individu atau kelompok dalam sesebuah masyarakat sekiranya tidak dituruti. Adat seperti ini dicatatkan oleh Burns (1989: 2), “*Is a word used to refer to indigenous culture, values and traditions*”. Adat ialah kebiasaan, aturan-aturan atau tradisi yang menjadi adat resam. Ia berbeza di antara bangsa dengan bangsa yang lain. Kadangkala, antara sesama bangsa pun turut mempunyai perbezaan adat tradisi kerana disebabkan oleh perbezaan tempat dan suasana.

Seni persembahan berbentuk teater tradisional telah wujud dalam kebudayaan Melayu sejak dahulukala dengan kewujudan pelbagai bentuk teater tradisional seperti persembahan pertunjukan wayang kulit, makyung, menora dan bangsawan yang semuanya dikategorikan sebagai teater tradisional. Sebelum nama teater

digunakan, bentuk-bentuk teater tradisional itu dikenali dengan perkataan “main” seperti “main wayang kulit”, “main makyung”, “main menora” dan seterusnya. Namun, kemasukan pengaruh Barat menyebabkan seni lakon Melayu yang disebut “main” itu telah menerima perubahan dari pelbagai sudut terutamanya dari segi penghasilan, pengarah dan teknik pentas teater yang merangkumi elemen teaterikal dan unsur sinografi mengikut perubahan yang dipengaruhi oleh orang Barat. Theatron yang bererti tempat pertunjukan, panggung, auditorium atau pentas terbuka seperti yang wujud pada zaman Yunani, Theatron juga membawa maksud sesuatu yang menakutkan deria dan mengasyikkan naluri manusia. Definisi ini digunakan pada zaman Plato. Definisi ini berubah pada zaman Herodotus kepada sebuah karya yang agung pada zaman tersebut.

Istilah “teater” merujuk kepada perkataan yang dipentaskan. Sejarah dunia teater membuktikan tradisi teater mempunyai hubungan kait yang rapat dengan kegiatan ritual. Mereka percaya bahawa dewa mereka, Dionysus yang dijelmakan pada kambing dan lembu perlu dipuja, mereka akan menari dan menyanyi di pelantar biara Dionysus dengan diketuai oleh seorang pendeta yang akan bercerita tentang kisah-kisah suci daripada dongeng ode. Upacara tersebut bertukar kepada persembahan kesenian apabila keindahan tarian, kemerduan nyanyian dan unsur penceritaan yang dipentingkan, diganti dengan unsur aksi lakonan. Peristiwa yang berlaku dalam kehidupan seharian itu juga sebagai teater, kenyataan ini turut disokong oleh Victor Turner, seorang ahli Antropologi menyatakan bahawa teater yang wujud pada aliran moden dan pasca moden tidak lagi hanya menitikberatkan soal konvensi, disiplin, struktur, aturan dan doktrin dalam pertunjukan teater, sebaliknya lebih mengutamakan fungsi dan tujuan aksi simbolik sesuatu peristiwa yang melibatkan ramai orang secara sukarela secara langsung. Peter Brook yang menulis buku “*The Empty Space*” (ruang kosong), menyebut bahawa sebuah ruang kosong mampu mewujudkan suasana seni persembahan apabila seseorang pelaku/pelakon mengisinya dengan persembahan yang menghasilkan pergerakan, diikuti dengan persekitaran yang kosong tersebut dihiasi dengan pelbagai peralatan yang mewujudkan suasana dan ruang adalah dianggap sebuah teater. Aristotle menyatakan bahawa dalam konsep ruang dan waktu itu memiliki kesatuan tempat, waktu yang membezakan antara teater dengan kehidupan seharian.

Lazimnya, upacara adat kematian ini dilaksanakan secara berperingkat, iaitu dalam tempoh pelaksanaan upacara adat kematian tersebut, terdapat upacara adat kematian yang dilaksanakan mempunyai beberapa elemen teaterikal dan unsur sinografi teater. Artikel ini membincangkan beberapa elemen teaterikal persembahan ritual yang dikenali sebagai *ritual based performance*, elemen-

elemen teaterikal yang boleh dikesan wujud dalam pelaksanaan upacara adat kematian etnik Bajau, iaitu dalam upacara adat *Magpaturun roh arwah ma bahagi pitu* serta menganalisis elemen teaterikal dan unsur sinografi teater yang terkandung pada setiap upacara adat kematian.

Analisis Unsur Teaterikal dalam Persembahan Upacara Adat Kematian Etnik Bajau Semporna

Berdasarkan kepada kajian elemen teaterikal dalam salah satu persembahan upacara adat kematian di Semporna, penulis akan membuat analisis beberapa unsur upacara adat kematian etnik Bajau Semporna yang masih diamalkan dengan elemen teaterikal melalui penggunaan ruang pelaku/pelakon, susun atur ruang untuk upacara adat, kostum, ruang props/peralatan yang digunakan dalam salah satu upacara adat kematian yang dilaksanakan. Elemen teaterikal dan unsur sinografi menekankan konsep estetika ruang dan bentuk. Lakonan dan skrip/naskhah yang hebat tidak mencukupi untuk melahirkan ekspresi sepenuhnya terhadap sebuah persembahan yang dirasai melalui jiwa penonton. Dalam upacara adat terutamanya bagi persembahan upacara adat kematian, sokongan visual dan beberapa elemen teaterikal sangat penting. Elemen teaterikal dan unsur sinografi ini selalunya bergantung penuh kepada “rupa”, “bunyi” dan “bentuk”. Beberapa pandangan visual dan mempunyai aura dapat dicapai melalui sebuah rekaan. Keupayaan pelaku yang memainkan tingkah laku pergerakan tubuh dalam upacara adat kematian ini mencipta suatu suasana yang boleh melahirkan keindahan di persekitaran berlakunya sebuah kematian. Keindahan tersebut memberi kesan emosi yang kuat terhadap penonton. Penonton melihat sesuatu yang boleh mereka rasa dengan deria mereka, contohnya dalam melaksanakan upacara adat kematian dalam masyarakat etnik Bajau, setiap upacara adat yang dilaksanakan memberi sentuhan emosi sedih dalam kalangan penduduk dan persekitaranya. Hal ini disebabkan suasana setiap gerak tubuh pelaku (imam/bidan) dalam menguruskan jenazah si mati yang dapat dilihat, didengar oleh penonton (kalangan ahli keluarga, penduduk dan sebagainya) melalui ruang yang telah terbina dan suasana yang telah direka melalui aksi dramatik yang mampu meluahkan maksud sesebuah persembahan.

Menurut Hajah Muara, seorang bidan yang bertanggungjawab dalam mengurus jenazah, upacara adat kematian tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya. Setiap upacara adat harus dilakukan dengan tertib agar perjalanan roh si mati ke alam lain lebih sempurna. Salah satu upacara adat yang perlu dititikberatkan pelaksanaannya ialah dalam upacara *Magpaturun roh arwah ma bahangi Pitu* (upacara menurunkan roh arwah si mati pada hari ketujuh

kematian). Mengikut kepercayaan etnik tersebut, dalam tempoh tujuh hari selepas jenazah dikebumikan, kesatuan jiwa nurani yang sedih turut dirasakan dalam kalangan penonton yang terdiri daripada ahli keluarga, sanak saudara dan penduduk kampung yang bersimpati terhadap si mati. Hal ini disebabkan dalam tempoh masa itu merupakan hari yang paling menyedihkan dan menyayat hati, terutamanya ahli keluarga rapat si mati. Mereka mempercayai bahawa hari ketujuh adalah hari terakhir mereka bersama-sama dengan semangat roh si mati. Roh si mati akan dipanggil oleh ketua imam yang menjaga *patulihan*². Selepas upacara pengebumian selesai, tempat tidur yang terdiri daripada tikar tilam dan *bantal-bantal* dibina untuk semangat roh si mati. *Bantal-bantal* itu diletakkan di bahagian kepala dan kiri serta kanan pada bekas tempat tidur si mati yang dipanggil *pabangkai-bangkaian*, iaitu menggunakan tikar yang pernah digunakan oleh si mati ataupun tikar baharu. Tikar ini seterusnya dihamparkan dengan *kain tarasan mandi* atau *turung muka jenazah*, (iaitu dua jenis kain digunakan untuk menutup aurat dan muka semasa jenazah dimandikan) bagi jenazah wanita. Kedudukan kain dihamparkan pada bahagian tengah tikar. Semua pakaian si mati akan diletakkan berdekatan dengan bahagian kepala tempat tidurnya.

Selain pakaian yang digunakan semasa hayatnya, bantal, al-Quran, segelas air dan dulang makanan bertutup juga disediakan untuk menunjukkan berlakunya kematian di rumah berkenaan. Dulang makanan akan diisi dengan makanan setiap awal pagi dan sebelum menjelang waktu maghrib sebagai juadah imam yang bertugas untuk menjaga *pabangkai-bangkaian*. Si mati (*ngipat bahangi*), akan dijaga oleh seorang imam yang bertanggungjawab menjaga tempat tidur si mati dan membaca doa pada waktu tersebut selama tujuh hari berturut-turut selepas pengebumian si mati (Hajim Haji Ispal, 2010). *Pabangkai-bangkaian* akan dibuka pada pagi hari ketujuh sebelum upacara “Tapus Bahangi Pitu” yang diadakan di rumah si mati. Semua bahan dan peralatan *pabangkai-bangkaian* akan diserahkan sepenuhnya kepada imam “*ngipat bahangi*” untuk disedekahkan kepada mereka yang berhak menerimanya dan melaksanakan upacara *magpaturun roh arwah* untuk dibawa ke tempat asal iaitu kuburan si mati. Ketua keluarga si mati menyerahkan segala tugas dalam melaksanakan upacara ini. Mereka menganggap ketua imam memainkan peranan penting dalam mengetuai segala pelaksanaan upacara adat ini.



Rajah 1 *Pabangkai-bangkaian*

Elemen Teaterikal Upacara Adat Kematian *Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu*

Pada permulaannya, tidak terdapat pemisahan antara penonton dan pelakon. Keseluruhan masyarakat etnik Bajau Semporna yang melakukan upacara persembahan kenduri tersebut terlibat secara langsung sebagai pemain ataupun pelakon beraksi dengan sempurna. Namun, lama-kelamaan peranan yang penting mula muncul dalam kesatuan tempat dan ruang persembahan upacara kenduri ini yang mencipta seni percakapan serta tingkah laku pergerakan tubuh dalam melaksanakan persembahan upacara kenduri ini. Kepercayaan kepada semangat dan kuasa-kuasa ghaib adalah aspek yang penting dalam rangkaian kosmos mereka³, menyebabkan masyarakat etnik Bajau mempercayai bahawa pertalian erat dan seimbang menentukan interaksi ghaib dengan seseorang dalam sesebuah masyarakat, terutamanya semasa upacara persembahan kenduri tersebut. Upacara persembahan kenduri ini hanya dilakukan pada waktu yang tepat dan tertentu sahaja.

Kenduri bererti penjamuan makan yang lazimnya didahului oleh zikir, doa dan sebagainya bagi tujuan keagamaan. Berdasarkan pengertian tersebut, maka kenduri yang diadakan mesti merangkumi tiga asas utama iaitu⁴;

1. Makanan yang disediakan

Kuantiti makanan yang disediakan semasa melakukan persembahan upacara kenduri bergantung kepada bilangan jemputan yang hadir. Begitu juga dengan jenis juadah yang disediakan, iaitu bergantung kepada kemampuan orang yang mengadakan kenduri.

2. Jemputan

Jamuan yang disediakan hanya dinamakan kenduri sekiranya ada jemputan tanpa mengambil kira bilangan mereka. Oleh itu, jamuan ahli keluarga yang tinggal serumah atau sebumbung tidak layak dinamakan kenduri.

3. Sebab atau tujuan

Sebuah jamuan yang disediakan untuk dimakan oleh tetamu yang dijemput dinamakan kenduri apabila penyediaannya berdasarkan sebab atau tujuan tertentu. Namun, jika diteliti dengan menyatakan kesyukuran atas rezeki anugerah Allah SWT kepada individu yang mengadakan kenduri atau melakukannya dengan niat mendapatkan pahala kerana melaksanakan suatu kebajikan.

Terdapat beberapa jenis upacara kenduri dalam upacara kematian, iaitu *Kanduri Tapus Bahangi Tullu* (kenduri hari ketiga), *Kanduri Tapus Bahangi Pitu'* (kenduri hari ketujuh) iaitu upacara kenduri pada hari ketujuh, yakni kenduri *mabahagi pitu'* dilakukan oleh ahli keluarga si mati selepas tujuh hari berturut-turut melakukan kenduri *Magbahangi*. Majlis tahlil selepas solat Isyak dilakukan pada setiap malam selama tujuh malam berturut-turut selepas pengebumian si mati. Ketua imam yang bertanggungjawab memainkan peranan penting untuk mengetuai bacaan tahlil secara bergilir-gilir pada setiap malam. Struktur persembahan upacara kenduri tersebut ditampilkan dalam bentuk bacaan doa, bacaan suci ayat-ayat al-Quran. Pihak keluarga akan menyediakan hadiah berbentuk duit untuk jemaah yang hadir untuk bertahlil bersama, tujuan memberi duit tersebut adalah agar si mati mendapat keringanan di alam barzakh.⁵ Kenduri *magtapus bahangi* pula merupakan kenduri mengikut peringkat-peringkat dan perlu, selain dilaksanakan oleh ahli keluarga si mati pada waktu-waktu tertentu. Namun bagi etnik Bajau ini, biasanya kenduri ini akan dilakukan pada sebelah pagi (sebelum waktu subuh). Dalam upacara adat kematian masyarakat Bajau, Kenduri *tapus bahangi pitu'*, mempunyai kelainan berbanding dengan kenduri yang lain. *Tapus bahangi pitu'* akan disambut secara besar-besaran. Pada hari tersebut, semua barang dan peralatan *Pabangkai-Bangkaian* akan diserahkan sepenuhnya kepada mereka yang berhak menerimanya (golongan ahli keluarga, saudara-mara terdekat dan jiran tetangga). Kenduri *mabahagi pitu'* dilaksanakan mengikut kemampuan ahli keluarga si mati. Terdapat elemen teater yang memiliki satu kesatuan tempat yang menghubungkan orang ramai berinteraksi dalam sebuah tempat, ruang dan waktu semasa pelaksanaan upacara adat sebelum,

semasa dan selepas upacara persembahan kenduri tersebut dilakukan. Perbezaan antara setiap majlis kenduri ini boleh dikesan melalui persiapan majlis dan jenis bacaan semasa berlangsungnya upacara persembahan tersebut.

Ketika mengadakan upacara adat dalam persembahan berkenduri ini, seluruh ahli keluarga turut menyediakan props ataupun kelengkapan yang amat diperlukan untuk tujuan berkenduri arwah, iaitu tempat bara kemenyan, tiga gelas air, nasi kuning dan kuih *penyaram*. Kesemua bahan tersebut diletakkan di hadapan imam yang mengetuai bacaan tahlil semasa kenduri. Kenduri tujuh yang dikenali sebagai *magbahagi pitu* merupakan hari yang paling besar dan istimewa dan akan dilaksanakan pada waktu-waktu tertentu. Bilangan penduduk kampung yang datang menonton persembahan kenduri tersebut lebih ramai daripada kenduri sebelumnya iaitu kira-kira pada pukul 4.00 pagi, keluarga si mati khususnya golongan perempuan akan mula membuat persediaan untuk jamuan yang akan dihidangkan kepada para tetamu yang akan diadakan pada sekitar pukul 11.00 pagi, bergantung kepada keluarga si mati. Selepas jamuan, setiap tetamu yang pandai membaca al-Quran akan membacanya untuk si mati. Bacaan al-Quran mungkin berlangsung selama tiga jam. Apabila selesai majlis tersebut, tuan rumah akan memberi golongan lelaki mahupun perempuan sedulang makanan. Antara isian wajib dalam dulang tersebut adalah nasi kuning dan kuih *penyaram*. Dulang tersebut akan dibungkus dengan kain atau sarung sebelum dihadaiahkan kepada para tetamu. Kenduri ini banyak memaparkan para pelakon menggunakan tubuh badan dan pergerakan untuk berkomunikasi. Hal ini disebabkan penggunaan tubuh mempengaruhi persekitaran persembahan upacara kenduri tersebut. Upacara adat ini membawa para pelakon, iaitu penduduk kampung saling bekerjasama dalam melaksanakan kenduri tersebut. Masyarakat Bajau menggunakan tubuh dan suara sebagai alat untuk melahirkan jiwa dan rasa mereka semasa melaksanakan majlis kenduri tersebut.

Apabila melakukan kenduri kematian pada kenduri hari ketujuh, iaitu *Kanduri Tapus Bahangi Pitu*, pakaian dan barang lain kepunyaan si mati yang telah dikemaskan di tempat tidurnya selepas upacara pengebumian juga akan diberikan kepada orang yang telah memandikannya. Tempat tidur dan bantal si mati pula disediakan khas oleh keluarga si mati dan akan diberikan kepada imam yang menjaganya selama tujuh hari berturut-turut. Mengikut kepercayaan orang Bajau, jika pakaian dan barang lain kepunyaan si mati tidak disedekahkan kepada orang lain, di akhirat kelak si mati akan mengalami kekurangan, misalnya jika pakaiannya tidak disedekahkan, dipercayai si mati akan hadir dalam mimpi orang yang telah memandikannya dengan tujuan untuk meminta pakaiannya untuk dipakai di akhirat.⁶

Bagi kenduri, lazimnya tuan rumah dan waris si arwah akan menyediakan jamuan makan dan hadiah berupa wang ringgit kepada setiap tetamu yang hadir dalam setiap majlis kenduri arwah. Hidangan dan hadiah wang ringgit ini tidak dianggap sebagai bebanan kepada mereka, sebaliknya hadiah tersebut diharapkan memberi manfaat kepada roh si mati untuk tujuan bekalan ke 'jambatan' alam kematian. Bagi kenduri arwah yang diadakan di masjid atau surau, hadiah berbentuk wang ringgit tidak disediakan, tetapi lazimnya jamuan disediakan oleh ahli keluarga, jiran tetangga dan keluarga yang terdekat.

Elemen Teaterikal dalam Upacara Adat *Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi Pitu'*


Penulis mendapati terdapat beberapa unsur teaterikal teater dalam tempoh pelaksanaan persembahan upacara adat kematian. Ia merangkumi jenis seni pertunjukan, maka elemen seni pertunjukan, bukan hanya dari segi penekanan terhadap lakon, kelakuan, watak dan perwatakan, peristiwa dan unsur sinografi, teater menghasilkan nilai teater itu tersendiri, teater yang memiliki nilai estetika pada keseluruhan cabang seni pertunjukan yang terhasil daripada perkembangan teater itu tersendiri mengikut ideologi, aliran dan bentuk, menyebabkan aktiviti dalam kehidupan seharian manusia itu juga dianggap sebagai teater. Antara elemen teaterikal yang terkandung dalam upacara adat kematian *magpaturun roh arwah ma bahagi pitu'* ialah:

- Teater merupakan salah satu penceritaan sebuah kisah yang sangat panjang tetapi dilakukan serentak dalam sebuah tempat, ruang dan waktu. Hal ini menyebabkan sebuah cerita yang sebenarnya berlangsung selama bertahun-tahun, dipersembahkan hanya dalam tempoh masa tertentu, ada kalanya hanya mengambil masa dalam beberapa jam sahaja untuk dipentaskan. Semuanya dipadatkan, singkat, disatukan dan dipertunjukkan dalam satu tempat, waktu dan ruang.
- Ketua imam dan seluruh ahli keluarga si mati serta penduduk yang menziarahi rumah si mati akan berkumpul dalam satu tempat, iaitu di rumah si mati pada malam-malam terakhir dengan membaca tahlil dan mengaji. Mengikut kepercayaan mereka, dengan bertahlil dan mengaji akan dapat memberikan bekalan untuk si mati. Upacara ini dipersembahkan dalam beberapa jam sahaja dalam ruangan tersebut.



- Semasa melaksanakan upacara adat ini, imam yang bertanggungjawab menjaga *pabangkai-bangkaian* si mati bertindak sebagai ketua. Dia akan menentukan masa dan waktu semasa melakukan upacara adat ini. Biasanya upacara adat ini dilakukan sebelum fajar terbit kerana mereka percaya tempoh yang afdal untuk menurunkan roh si mati adalah pada waktu pagi, sebaik-baiknya pada waktu subuh. Imam bertanggungjawab sepenuhnya pada upacara adat.


Rajah 2 Elemen ruang dan waktu



Peralatan yang digunakan dalam upacara adat *magbahagi pitu'*

- Props/peralatan adalah barangan ataupun peralatan yang digunakan bagi membantu pelaku/pelakon melahirkan lakonan yang mantap dan bersifat universal, berfungsi menjadi daya tarikan kepada penonton untuk menyaksikan teater, mempunyai ruang yang dilengkapi dengan props yang digunakan untuk tujuan persembahan. Panggung hanyalah sebuah ruang kosong yang diisi oleh persoalan, konflik, watak dan kepelbagaian perwatakan bagi menghidupkan suasana persembahan. Props/peralatan merupakan bahagian paling penting dalam upacara ini, set properti panggung memenuhi ruang abstrak. Set yang digunakan oleh ketika upacara adat kematian dilakukan.
- Warna dan komposisi memainkan peranan penting dalam salah satu upacara adat kematian yang diamalkan oleh etnik Bajau. Gambar berikut menunjukkan kegunaan peralatan kelengkapan yang amat membantu pergerakan si pelaku dalam melaksanakan tugasnya dalam memyempurnakan upacara adat.
- Susun atur peralatan yang digunakan perlu dititikberatkan untuk memudahkan imam/bidan menguruskan susun atur yang tertib. Ia amat diperlukan untuk memberi ruang yang selesa kepada pelaku memainkan peranannya dalam melaksanakan upacara adat kematian.

Rajah 3 Elemen ruang props/peralatan dalam upacara adat kematian Bajau



Gambaran kostum jenazah

- Mayat akan dikafankan sebanyak dua lapisan. Lapisan pertama terdiri daripada baju dan seluar putih (jenazah lelaki), tudung putih (jenazah perempuan). Mayat selesai dikafankan dengan sehelai kain putih yang merupakan lapisan kain kafan yang kedua.
- Susun atur mengkafankan si mati perlu tertib dan teratur.
- Dalam upacara adat kematian ini, kostum yang digunakan adalah kain putih yang biasanya bersaiz 60 inci lebar. Penggunaan kain kafan ini bergantung kepada bentuk, saiz dan jantina si mati.

Rajah 4 Penggunaan kostum dalam upacara adat kematian Bajau



Pelakon/pelaku (Ketua imam, jenazah dan bidan)

- Pelakon/pelaku merupakan bahagian yang sangat penting dalam dunia persembahan teater. Dia menggunakan seluruh tubuh dan perasaannya untuk mengekspresikan watak dan perwatakan orang lain dalam dirinya, mengubah dirinya sebenar menjadi orang lain dengan menguasai dan menggunakan secara keseluruhan tubuh badannya agar watak yang cuba dilakonkannya dapat dihayati dengan baik.
- Dalam teater memahami diri sendiri, menguasai diri dan kemudian percaya pada kemampuan diri dalam melakukan sesuatu yang mampu membuatkan seseorang pelakon/pelaku melakukan sesuatu yang klise (peniruan yang dilakukan secara sengaja ataupun tidak).
- Pelakon/pelaku utama memainkan peranan yang sangat penting untuk menghidupkan suasana dalam sebuah teater. Pelakon/pelaku inilah yang menjadi daya tarikan kepada para penonton,
- Dalam persembahan *Upacara Adat Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi pitu'* ini, si mati dan imam adalah watak utama kerana sepanjang pelaksanaan upacara adat ini, fokus penonton adalah terhadap pengurusan jenazah si mati, dari sebelum, semasa dan selepas kematian. Setiap upacara adat kematian yang dilaksanakan tidak akan sempurna tanpa adanya watak utama ini walaupun hanya sekujur tubuh yang tidak bernyawa. Peranan perwatakannya yang menghayati hati semua penonton yang terdiri daripada kalangan ahli keluarga, sanak saudara dan jiran tetangga sangat menyentuh perasaan sesiapa sahaja yang melihatnya. Dalam teater, tubuh badan sangat penting untuk mempersembahkan peranan watak utama.
- Watak utama seterusnya ialah imam yang sangat bertanggungjawab dalam segala hal berkaitan pengurusan jenazah si mati. Apabila seseorang itu sudah terlatih dan fasih dalam urusan yang biasa dilakukannya ketika menghadapi kematian, ia mampu memainkan perwatakannya dengan sempurna.
- Apabila upacara adat ini berlangsung, perhatian penonton tertumpu hanya kepada kedua-dua watak utama ini, iaitu sebuah pertunjukan yang mampu dirasakan oleh jiwa penonton dengan olahan pergerakan tubuh imam yang menggunakan anggota tubuh badannya dalam melaksanakan upacara adat ini. Beliau seolah-olah senang berkomunikasi dengan roh si mati, setiap alunan bacaan doa memanggil roh si mati mampu menyebabkan penonton menitikkan air mata, sebak dengan suasana yang berlaku semasa upacara adat itu berlangsung.

- Menurut Raimah Sinong, 59 tahun, seorang bidan menyatakan bahawa apabila imam menyebut nama roh si mati contohnya, si polan bin si polan (untuk lelaki), si polan binti si polan (untuk wanita), roh si mati yang dipercayai berlegar di ruang sekitar *pabangkai-bangkaian* akan bersedia dan menurut arahan yang imam tersebut.



- Watak sampingan juga turut memainkan peranan penting dalam upacara adat ini. Watak sampingan ini terdiri daripada ketua rumah, sanak saudara dan jiran tetangga yang menyempurnakan upacara adat ini.

Rajah 5 Elemen teaterikal melalui ruang pelaku/pelakon



- Pelaksanaan upacara adat mempunyai elemen-elemen unik yang tersendiri. Persamaan elemen teaterikal tersebut dapat membuktikan bahawa setiap upacara adat kematian khususnya upacara *Mag Bahangi Pitu* mempunyai nilai estetikanya yang tersendiri. Amalan yang telah diterima pakai ini tiada penghujungnya sehingga sesuatu doktrin baharu berjaya menembusi benteng kekebalan adat yang telah sekian lama dijadikan amalan warisan kehidupan masyarakat Bajau Semporna.

Rajah 6 Elemen teaterikal tubuh/Pergerakan upacara adat *Magpaturun Roh Arwah Ma Bahagi pitu'*

KESIMPULAN

Nilai yang dipancarkan melalui aktiviti pelaksanaan upacara adat ritual kematian memberi penekanan kepada satu amalan tradisi yang dipersetujui bersama dalam sesebuah kelompok itu. Hubungan erat antara satu sama lain dalam melaksanakan aktiviti ritual telah mewujudkan satu peraturan tidak tersurat yang menjadi ikutan kepada pelanjutan ritual seterusnya. Terdapat beberapa elemen teaterikal teater yang dapat dilihat terkandung dalam salah satu upacara adat kematian etnik Bajau di daerah Semporna, Sabah. Elemen teater ini mampu membentuk seni teater tradisional yang akan terus berkembang mengikut kaum dan etnik yang terdapat di Sabah khususnya di Semporna yang masih mempunyai pelbagai cerita mitos, perbezaan pegangan adat resam dan amalan adat, ritual berkaitan dengan kepercayaan, budaya dan agama yang diwarisi daripada zaman nenek-moyang yang mempunyai keunikan pola kehidupan tersendiri, sehingga melahirkan unsur kesenian dalam kehidupan pengamal budaya warisan. Oleh itu, penulis berpendapat adalah amat penting mengetahui pelbagai warisan turun-temurun daripada nenek moyang dan seterusnya memelihara amalan tersebut agar budaya ini akan terus berkekalan.

NOTA

- ¹ Tulah merupakan salah satu balasan buruk yang bakal menimpa dan diterima oleh masyarakat Bajau, sekiranya melanggar pantang larang, tidak mengerjakan upacara adat-adat yang diwarisi dengan sempurna. Menurut Raimah Sinong, 57, seorang bidan kampung, tulah ini adalah balasan daripada nenek moyang yang memiliki pangkat (sakral).
- ² *Patulihan* bermaksud tempat tidur yang lebih dikenali sebagai *pabangkai-bangkaian* dalam etnik Bajau Semporna, merangkumi pakaian, keperluan peribadi semasa si mati masih hidup akan dipersembahkan dalam satu tilam yang rapi dengan barang-barang si mati ketika masih hidup.
- ³ Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- ⁴ Ahmad Faisol Omar. (2009). *Kenduri syariat dan adat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- ⁵ Hajim Haji Ispal. (2010). *Adat dan ritual kematian suku Bajau Omadal, Semporna*. Dlm. Saidatul Nornis Haji Mahali (Pnyt.). *Adat dan ritual kematian di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- ⁶ Yap Beng Liang. (1993). *Orang Bajau di Pulau Omadal: Aspek-aspek budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

BIBLIOGRAFI

- Amran Kasimin. (2006). *Unsur-unsur menurun dalam persembahan teater Melayu tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Budi Anto Mohd Tamring. (2013). *Sistem nilai etnik atau nilai budaya: Value Laden versus fact Laden*. Dlm. Saidatul Nornis Haji Mahali (Pnyt). Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Citra Smara Dewi & Fabianus Hiapianto Koesoemadinata. (t. th.). *Menjadi skenografer*. Jakarta: Pt Tiga Serangkai Pustaka Mandiri.
- Hajim Haji Ispal. (2010). *Adat dan ritual kematian suku Bajau Omdal, Semporna*. Dlm. Saidatul Nornis Haji Mahali (Pnyt.). *Adat dan Ritual Kematian di Sabah*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd. Yakin. (2013). *Manifestasi identiti budaya Bajau menerusi simbolisme dalam perkahwinan dan kematian*. Dlm. Saidatul Nornis Hj. Mahali (Pnyt). Nilai dan Norma Masyarakat di Sabah. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Halina Sendera Mohd. Yakin & Saidatul Nornis Haji Mahali. (2010). Duang: The semiotic interpretation and perception of the Bajau-Sama tradition. *Jurnal Sari*, Vol. 26: pp. 71–78.
- Laliman Kemad. (2006). *Teater moden Sabah 1946 hingga 1980-an*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1996). *Falsafah dan seni kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. (2000). *Teater tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mosli Tarsat & Liana Amin. *Sejarah asal usul Bajau Semporna dan Tong Talun (Semporna)*. Dlm. Ismail Ali (Pnyt.). Sejarah, Kebudayaan dan Kesenian Kaum Bajau Semporna: Dari Perspektif Hj. Bakara Marahaja Onnong. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Putu Wijaya. (2007). *Teater: Buku pelajaran seni budaya*. Jakarta: Edisi Uji Coba Psn.
- Yap Beng Liang. (1993). *Orang Bajau di Pulau Omdal: Aspek-aspek budaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusten Karulus & Maine Suadik. (2011). *Kepercayaan, agama dan adat masyarakat Bajau*. Dlm. Ismail Ali (Pnyt.). Sejarah, Kebudayaan dan Kesenian Kaum Bajau Semporna: Dari Perspektif Hj. Bakara Marahaja Onnong. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.

Senarai Informan

- Haji Jalalun bin Baitullah, 64 tahun, Bajau, Pulau Omadal, Nelayan, (20 Disember 2016).
- Haji Sahugan bin Bulagan, 78 tahun, Bajau, Pulau Omadal, Pembuat *sunduk* dan perahu, (20 Disember 2016).
- Tularan bin Pg. Sabtuhari, 49 tahun, Bajau, Pulau Omadal, Pegawai Galeri Pulau Omadal, (20 Disember 2016).
- Hajah Hasnah binti Kawasa, 64 tahun, Bajau, Pulau Omadal, Suri rumah, (22 Disember 2016).
- Haji Katluan, 65 tahun, Bajau, Pulau Omadal, Pemandu bot enjin sangkut, (22 Disember 2016).
- Haji Mohd Jimlan bin Pg. Sabtuhari, 64 tahun, Bajau, Pulau Omadal, JKKK, (22 Disember 2016).
- Rahimah binti Imam Sinong, 57 tahun, Bajau, Kampung Lumagas, Bidan kampung, (30 Mac 2017).
- Haji Sahad bin Indaham, 72 tahun, Bajau, Kampung Bukit Sakong, Bekerja sendiri, (30 Mac 2017).
- Majorah bin Bukuhap, 59 tahun, Bajau, Kampung Gelam-Gelam, Nelayan, (30 Mac 2017).
- Kasumah binti Marabau, 50 tahun, Bajau, Kampung Gelam-Gelam, Suri rumah, (30 Mac 2017).

